

SEHARI SELEMBAR BENANG

# PROSEDUR CLOZE


DISUSUN OLEH :

MOHAMED NAIM DAUPI

PROSEDUR CLOZE (A)

PROSEDUR CLOZE (B)

JAWAPAN CONTOH



NAMA : \_\_\_\_\_

DARJAH : \_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

10

# PROSEDUR CLOZE (A)

**ARAHAN :** Pilih satu perkataan yang sesuai bagi diisikan ke dalam potongan karangan berikut. Kemudian, tuliskan nombor pilihan kamu itu ke dalam petak yang disediakan.

Sikap ingin mencuba tidak semuanya berakhir dengan kejayaan dan kegembiraan. Ada kalanya, sesuatu keinginan itu akan berakhir dengan kedukaan (A)\_\_\_\_\_ kemusnahan. Ada dua matlamat yang boleh (B)\_\_\_\_\_ capai daripada sikap ingin mencuba ini. (C)\_\_\_\_\_, haluan yang menuju ke arah yang (D)\_\_\_\_\_ dan satu lagi, ke haluan negatif.

(E)\_\_\_\_\_ kita mempunyai sikap ingin mencuba dalam (F)\_\_\_\_\_ pengalaman dan pengetahuan, sikap itu dianggap (G)\_\_\_\_\_ dan murni. Sikap ingin mencuba dalam (H)\_\_\_\_\_ yang tidak sihat seperti merokok, mengambil dadah, melakukan jenayah dan sebagainya pasti akan menjerumuskan seseorang ke kancah yang lebih dahsyat. Jadi, anda ingin mencuba yang mana satu?

(A)	1	atau	2	yang
	3	dan	4	untuk
(B)	1	mereka	2	kami
	3	kita	4	anda
(C)	1	satu	2	dua
	3	tiga	4	empat
(D)	1	aktif	2	positif
	3	pasif	4	insentif
(E)	1	walaupun	2	agar
	3	kerana	4	jika
(F)	1	meningkatkan	2	memajukan
	3	melebihi	4	menaikkan
(G)	1	bermutu	2	baik
	3	berkesan	4	molek
(H)	1	pekerjaan	2	kelaziman
	3	perbuatan	4	kegiatan



## PROSEDUR CLOZE (B)

**ARAHAN :** Petikan karangan di bawah ini mengandungi 10 tempat kosong. Lengkapkan petikan ini dengan mengisi setiap tempat kosong itu sepatah perkataan yang sesuai.

Mengapa makhluk di dunia ini memerlukan makanan? Makanan sangat (1)\_\_\_\_\_ kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Mengikut (2)\_\_\_\_\_ sains, manusia memerlukan makanan seimbang setiap (3)\_\_\_\_\_. Ini diperlukan untuk proses tumbesaran dari (4)\_\_\_\_\_ kanak-kanak hinggalah dewasa.

Jalinan utama makanan (5)\_\_\_\_\_ ialah perkaitan antara makanan yang boleh (6)\_\_\_\_\_ tenaga, melindungi diri daripada penyakit dan (7)\_\_\_\_\_ membentuk sel-sel tubuh badan manusia. Setiap (8)\_\_\_\_\_ memerlukan makanan seimbang. Tenaga yang digunakan (9)\_\_\_\_\_ manusia adalah hasil daripada pemilihan makanan yang (10)\_\_\_\_\_ untuk tubuh badan yang normal. Makanan seimbang dapat memenuhi keperluan kita untuk melakukan kegiatan harian.

(1)

(2)

(1)

(4)

(5)

(6)

(7)

(8)

(9)

(10)

## JAWAPAN CONTOH

### PROSEDUR CLOZE (A)

- |      |      |
|------|------|
| A) 1 | B) 3 |
| C) 1 | D) 2 |
| E) 4 | F) 1 |
| G) 2 | H) 4 |

### PROSEDUR CLOZE (B)

- |            |                  |
|------------|------------------|
| 1) penting | 2) kajian / ahli |
| 3) hari    | 4) zaman         |
| 5) harian  | 6) menambahkan   |
| 7) dapat   | 8) orang         |
| 9) oleh    | 10) seimbang     |

**Nota :** Jawapan-jawapan lain yang sesuai, boleh diterima.